

22 JUN 1996

MENTERI LUAR MEXICO AKAN LAWAT M'SIA

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Menteri Luar Mexico Dr Angel Gurria akan tiba di Malaysia untuk lawatan rasmi selama tiga mulai 30 Jun ini.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, lawatan itu adalah sebahagian daripada usaha mengukuhkan hubungan dua hala khususnya selepas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Mexico pada 1991.

Gurria akan mengunjungi Dr Mahathir dan juga berbincang dengan rakan sejawatannya Datuk Abdullah Ahmad Badawi mengenai isu-isu dua hala dan antarabangsa.

Beliau akan memberi ucapan mengenai "Mexico-Perkembangan Ekonomi dan Politik Terbaru dan Arah Masa Depan" di Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa pada 1 Julai.

Gurria juga akan mengadakan dialog dengan anggota Persatuan Selatan-Selatan Malaysia untuk membincang kerjasama perdagangan dan ekonomi dua hala.

Beliau akan diiringi oleh isteri selain Ketua Pengarah Rantau Asia Pasifik Kementerian Luar Mexico, Sergio Ley. -- BERNAMA

RAZ WAT MAI